



MEMO - HAL EHWAL AKADEMIK BIL. 1/2021

**KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2020/2021**

- 1.0 Memo ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada Semester 2 Sesi Akademik 2020/2021 selaras dengan kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 31 Januari 2021 dan Surat edaran oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 9 Februari 2021.
- 2.0 **Enam (6) kategori pelajar** dibenarkan untuk kembali ke kampus bagi mengikuti sesi PdP pada Semester 2 Sesi Akademik 2020/2021 iaitu seperti berikut:
 - Kategori Satu:** Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas;
 - Kategori Dua:** Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian;
 - Kategori Tiga:** Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
 - Kategori Empat:** Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;
 - Kategori Lima:** Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
 - Kategori Enam:** Pelajar yang menduduki peperiksaan *Malaysia University English Test* (MUET), antarabangsa dan badan profesional.
- 3.0 Sehubungan itu, semua Fakulti/Institut/Pusat diminta untuk **meneruskan aktiviti PdP secara dalam talian pada Semester 2 Sesi Akademik 2020/2021** kecuali bagi Kategori Satu iaitu bagi kursus-kursus yang melibatkan aktiviti praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan yang memerlukan peralatan khas adalah dibenarkan dilakukan secara hibrid atau bersemuka dengan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan COVID-19 yang ketat. Manakala pelajar Kategori Tiga iaitu bagi pelajar program Asasi Pintar yang telah sedia ada di kampus dibenarkan meneruskan aktiviti PdP secara hibrid dengan pematuhan SOP yang ketat.
- 4.0 Fakulti/Institut/Pusat bertanggungjawab memastikan pematuhan kepada SOP Pengajaran dan Pembelajaran Bersemuka di Ruang Pembelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia seperti edaran Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 26/2020.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
22 Februari 2021

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

